



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**



**KARNIVAL SUKAN IPTWP 2017  
PUSAT SUKAN UNIVERSITI MALAYA**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Salutasi**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Dan Salam Sejahtera**

1. Marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam Program Karnival Sukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2017.
2. Program dan aktiviti yang dilaksanakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini dirangka dengan tujuan bagi menyemarakkan perasaan patriotik, perpaduan dan perasaan cinta kepada negara khususnya Wilayah Persekutuan ini. Justeru, kita semua sebenarnya amat bertuah kerana Negara Malaysia sentiasa dalam keadaan aman dan damai yang membolehkan kita mengadakan pelbagai program pada bila-bila masa, beribadah dan beriadah dengan tenang dan selesa. Nikmat ini adalah hasil daripada perpaduan, sikap saling menghormati dan bekerjasama antara satu sama lain.
3. Lantaran itu, soal perpaduan dan sikap saling hormat-menghormati khususnya di kalangan generasi muda ini perlu sentiasa menjadi amalan dan disemai di dalam jiwa sanubari. Generasi muda hari ini harus bersyukur kerana berpeluang untuk mempertingkatkan ilmu

pengetahuan dalam pelbagai bidang tanpa had sempadan. Kerajaan sentiasa memberi keutamaan golongan muda untuk menikmati segala kemudahan pembelajaran dan menimba ilmu pengetahuan hingga ke peringkat tertinggi.

**Tuan-tuan, Puan-puan, para pelajar yang dihormati sekalian,**

4. Karnival Sukan IPT Wilayah Persekutuan adalah julung-julung kali diadakan dan menjadi salah satu pengisian program utama sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2017 di bawah kluster Sukan dan Rekreasi. Karnival ini dilaksanakan bertujuan menyebarluaskan program sukan dan rekreasi di setiap peringkat generasi di Wilayah Persekutuan serta ia merupakan medium berkesan untuk mewujudkan warga Wilayah Persekutuan khususnya para mahasiswa universiti yang ceria dan sejahtera selaras dengan hasrat Kerajaan untuk “mensejahterakan kehidupan seluruh rakyat Wilayah Persekutuan”. Program ini juga dapat memupuk amalan gaya hidup sihat dikalangan warga belia khususnya mahasiswa universiti awam dan swasta di Wilayah Persekutuan dan juga untuk mewujudkan suasana yang harmoni dan bersatu dikalangan warga Wilayah Persekutuan.
  
5. Kementerian mendapati program ini mampu memberi impak yang positif ke arah usaha menyatupadukan generasi muda melalui penyertaan di dalam pelbagai acara sukan selain daripada keprihatinan pihak Kerajaan untuk mendekati golongan belia dan

para mahasiswa. Selain itu, ini adalah platform terbaik dikalangan generasi belia khususnya para mahasiswa supaya bergiat aktif dan terlibat sama dalam pembangunan sukan Wilayah Persekutuan.

6. Program yang dilaksanakan selama dua hari bermula pada 11 – 12hb Februari 2017 (Sabtu & Ahad) bertempat di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur diharap dapat mewujudkan suasana harmoni dengan semangat kekitaan di kalangan mahasiswa di Wilayah Persekutuan selaras dengan slogan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan iaitu “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera”.
7. Program ini turut menjadi landasan dalam usaha Kementerian Wilayah Persekutuan menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui pengisian aktiviti yang melibatkan penyertaan pelbagai peringkat umur dan generasi. Pastinya Karnival Sukan IPT Wilayah Persekutuan ini akan menjadi salah satu elemen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan sosial khususnya di Wilayah Persekutuan.
8. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi-agensi di bawahnya seperti Majlis Sukan Wilayah Persekutuan telah mengaturkan pelbagai acara sukan seperti larian sukan IPTWP2017, bola jaring, ping pong, badminton dan futsal. Sukacita juga Kementerian membuka satu khemah khusus bagi mempromosikan penyertaan para mahasiswa wanita untuk menyertai Program Konvoi Berbasikal Wanita 2017 yang dijadualkan pada 11 Mac 2017 di Dataran

Putrajaya, Presint 3, Putrajaya. Selain itu terdapat juga Pameran Wushu, Muay Thai dan aktiviti urutan sukan dan ‘Zumba’.

9. Saya difahamkan bagi acara futsal, bola jaring, badminton dan ping pong hadiah bagi Johan adalah RM3000 berserta medal, piala iringan dan sijil penyertaan, Naib Johan pula menerima RM2000 berserta medal, piala iringan dan sijil penyertaan serta Tempat Ketiga menerima RM1000 berserta medal, piala iringan dan sijil penyertaan. Manakala bagi Larian Karnival Sukan IPTWP peserta pertama hingga ke sepuluh kategori lelaki dan wanita akan menerima medal dan sijil, kategori berpasukan pula akan menerima hamper dan terdapat juga 30 hadiah cabutan bertuah kepada peserta larian.

**Tuan-tuan dan Puan-puan serta Mahasiswa yang dihormati sekalian,**

10. Pengajuran Karnival Sukan IPT Wilayah Persekutuan 2017 ini akan memberikan peluang kepada semua mahasiswa dan pemimpin Wilayah Persekutuan untuk saling mendekati bagi tujuan memantapkan perpaduan dan perhubungan silaturrahim. Siapa sangka mungkin melalui acara sukan yang dipertandingkan dalam tempoh dua hari ini dapat mengetengahkan bakat baru di kalangan mahasiswa untuk acara Sukan SUKMA dan Kebangsaan. Saya juga berhasrat melalui program ini dapat mempromosikan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi-agensinya seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan

Pembangunan Kampong Bharu yang mana telah memainkan peranan penting di dalam membangunkan serta mensejahterakan Wilayah Persekutuan.

11. Program pada hari ini juga dilaksanakan melalui pendekatan *smart partnership* oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak Universiti Malaya selaku tuan rumah dan penyedia lokasi. Melalui pendekatan seumpama ini, pengajuran program dapat dilaksanakan dengan lebih mantap, menjimatkan kos dan masa. Ia juga meningkatkan jalinan perhubungan dan kerjasama antara pelbagai Agensi Kerajaan dan penyertaan langsung mahasiswa-mahasiswa Wilayah Persekutuan. Mungkin program sukan IPTWP ini boleh dijadikan acara tahunan pada setiap tahun.
  
12. Saya harap mahasiswa perlu mengambil bahagian dalam program yang dianjurkan ini kerana tiada yuran penyertaan dikenakan. Janganlah terpengaruh dengan aktiviti yang tidak berfaedah dan terkini ada pelajar yang terlibat dengan fahaman Daesh. Daesh sememangnya kerap menyasarkan golongan muda termasuk mahasiswa untuk menjadi ahli kerana mereka mudah dipengaruhi terutama individu yang mempunyai masalah sosial atau sedang berdepan dengan konflik keluarga. Oleh itu kerjasama semua pihak amatlah diperlukan bagi membendung fahaman ini dari menular di

kalangan mahasiswa. Mereka semua adalah harapan masa depan Negara.

**Tuan-tuan, Puan-puan dan Mahasiswa yang dihormati sekalian,**

13. Saban tahun, tarikh 1 Februari amat bermakna kepada kita semua sebagai warga Wilayah Persekutuan dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan mula mengadakan sambutan sejak tahun 2004. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan yang ke-13.
14. Kementerian juga mengekalkan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan sama seperti pada tahun lepas iaitu "Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera". Saya yakin bahawa tema 'Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera" bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang ingin menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria merangkumi persekitaran yang bersih; kemudahan pengangkutan yang kondusif; sistem pengangkutan yang sistematik dan seterusnya meningkatkan produktiviti warga Wilayah Persekutuan.
15. Harapan saya dengan slogan ini, ia mampu merangsang semua mahasiswa agar seiringan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memajukan serta memakmurkan bumi Wilayah

Persekutuan yang tercinta ini sebagai sebuah bandar raya metropolis yang lestari untuk dihuni sepanjang masa.

16. Selain itu, semangat perpaduan, kekitaan, kebersamaan dan menambahkan rasa sayang kepada Wilayah Persekutuan akan terus teguh di kalangan mahasiswa Wilayah Persekutuan.
17. Sebanyak 45 program diatur sempena sambutan kali ke-13 Hari Wilayah Persekutuan 2017 yang berlangsung sepanjang bulan Februari termasuklah Program Karnival Sukan IPT Wilayah Persekutuan yang julung kali diadakan. Keistimewaan sambutan pada tahun ini adalah Kementerian banyak memperkenalkan program-program baru yang berimpak tinggi. Program-program yang disusun melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Pastinya program pada tahun ini lebih meriah dan ceria.
18. Kita sedar negara sedang berada dalam keadaan ekonomi yang agak mencabar serta kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat. Oleh itu, pelaksanaan program-program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2017 tidak diadakan secara berlebih-lebihan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

19. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Kementerian sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada

rakyat. Oleh itu, pelbagai inisiatif mensejahterakan rakyat sentiasa dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang terbaik daripada usaha yang dibuat.

20. Dalam usaha memperkasakan pendidikan tinggi, Kerajaan melalui Bajet 2017 telah menyediakan peruntukan berjumlah RM7.4 bilion kepada 20 universiti awam merangkumi peruntukan untuk empat (4) hospital universiti, lima (5) universiti penyelidikan dan dana penyelidikan IPT. Selain itu, Kerajaan turut menyediakan baucar buku dengan kad debit pelajar bernilai RM250 bagi pembelian buku, alat-tulis, alatan komputer dan akses internet yang memberi manfaat kepada 1.3 juta pelajar. Kerajaan juga meneruskan inisiatif pemberian biasiswa melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
21. Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri telah memulakan langkah menganjurkan program ini bagi menggalakkan penglibatan generasi muda khususnya mahasiswa dengan harapan golongan ini akan lebih peka dan mendapat akses langsung mengenai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam mensejahterakan kehidupan warga Wilayah Persekutuan. Saya menyeru kepada tuan-tuan, puan-puan dan para mahasiswa sekalian untuk turut bersama-sama menyertai acara-acara yang telah disediakan dengan harapan ia

akan membawa keceriaan dan manfaat kepada kesihatan tubuh bandan dan minda.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

22. Adalah diharapkan kesemua program yang diaturkan ini diharapkan mendapat komitmen dan penyertaan sepenuhnya para mahasiswa daripada pelbagai kaum untuk bersama-sama merasai kemeriahian Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2017.
23. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Karnival Sukan IPT Wilayah Persekutuan termasuk pihak Universiti Malaya yang telah memberikan komitmen tinggi dan kerjasama yang erat dalam menjayakan penganjuran program pada hari ini. Semoga segala usaha murni kita ini akan diberkati oleh Allah swt.
24. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.